

Available on the iPhone
App StoreGET IT ON
Google Play

Jumaat, 5 April 2024, 1:49am



Kesegaran sepanjang hari
di bulan suci dengan **KARTA**

1 March - 30 April 2024
BELI & MENANG
HADIAH BERNILAI
RM23,000



Imbas Kod QR untuk menyertai

Imsak
05:53 a.m.

Subuh
06:03 a.m.

Zuhur
13:19 p.m.

Asar
16:24 p.m.

Maghrib
19:23 p.m.
Isyak
20:32 p.m.



01:48 a.m.

5 April 2024, Jumaat
25 Ramadhan, 1445H

Wangsa Maju

Kumpulan Sulu tiada asas tuntut aset, wilayah Malaysia



Oleh [Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain](#) - Jun 30, 2023 @ 11:17am
bhrencana@bh.com.my



Kita menang, tuntutan Sulu ditolak

Mahkamah Rayuan The Hague di Belanda menolak tuntutan Iapan waris kumpulan Sulu untuk mengiktiraf 'final award' sebanyak AS\$14.9 bilion (RM62.59 bilion) terhadap Malaysia yang diperoleh kumpulan itu melalui proses timbang tara pada Februari tahun lalu.

Oleh Zanariah Abd Mutualib → Nasional 3



Laporan BH mengenai keputusan Mahkamah Rayuan The Hague di Belanda menolak permohonan Kumpulan Sulu untuk mendapatkan pengiktirafan 'final award' AS14.9 bilion (RM62.59 bilion) terhadap Malaysia melalui proses timbang tara.


KEPUTUSAN Mahkamah Rayuan Belanda menolak permohonan **kumpulan Sulu** untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan 'Final Award' dikeluarkan Dr Gonzalo Stampa pada 28 Februari 2022 di Paris memberikan kelegaan kepada Malaysia untuk berhadapan dengan proses masih belum selesai di Luxembourg dan Paris.

Dapatan Mahkamah Rayuan Belanda bahawa Perjanjian 1878 tidak mempunyai klausa timbang tara memberikan kelebihan kepada Malaysia. Ini kerana tanpa klausa timbang tara, **kumpulan Sulu** tidak mempunyai asas mengemukakan tuntutan dan menguatkuasakan anugerah daripada keputusan timbang tara di lebih 165 negara terikat dengan Konvensyen Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Anugerah Timbang Tara atau Konvensyen New York.

Sebenarnya banyak asas untuk **menolak tuntutan** terbabit sekiranya aspek sejarah perundangan dibahaskan. Pihak penuntut Sulu tidak boleh sekali-kali mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu kerana legasi Kesultanan Sulu tidak wujud lagi.

ADVERTISING





Dalam pada itu, tuntutan dikemukakan terhadap Malaysia sehingga bertujuan menyita aset negara juga adalah salah pihak. Ini kerana apabila Perjanjian Malaysia 1963 ditandatangani, proses kuatkuasa Perlembagaan Sabah juga berlaku mengandungi peruntukan berkenaan aset diletak hak kepada negeri Sabah.

DISYORKAN UNTUK ANDA

Perlembagaan Sabah memperuntukkan 'sebarang tanah di dalam wilayah negerinya pada sebelum tarikh bermulanya kuatkuasa Perlembagaan itu, terletak hak kepada Ratu England dan pada tarikh kuatkuasa Perlembagaan hendaklah diletakkan (diberi) hak kepada Sabah'.

Begitu juga segala hak, liabiliti dan kewajipan Ratu England berhubung dengan Kerajaan Koloni Borneo Utara juga berpindah menjadi hak, liabiliti dan kewajipan Sabah. Justeru, sebarang tuntutan jika ada perlu dikemukakan terhadap Kerajaan Sabah.



Dari satu sudut lain, Sabah yang asalnya Borneo Utara diperoleh Kerajaan British tidak melalui perjanjian dengan Kesultanan Sulu. Kedudukan itu diabsahkan melalui Tauliah Sultan Borneo, Sultan Abdul Mumin ibni Almarhum Maulana Abdul Wahab pada 29 Disember 1877 melantik Baron de Overbeck, pemilik Syarikat British-Borneo Utara sebagai Maharaja Sabah, Raja Gaya dan Sandakan.

ADVERTISING



Petikan daripada tauliah itu berbunyi, "dengan ini menamakan dan melantik Gustavus Baron de Overbeck sebagai Pemerintah Tertinggi wilayah terbabit dengan gelaran Maharaja Sabah (Borneo Utara) dan Raja Gaya dan Sandakan, dengan kuasa hidup dan mati ke atas penduduknya, dengan segala hak mutlak ke atas harta terletak hak kepada Beta bagi isi bumi negeri ini dan hak untuk melupuskan harta itu dan juga hak terhadap pengeluaran hasil bumi negeri ini sama ada daripada jenis galian, tumbuh-tumbuhan mahupun haiwan, dan dengan hak untuk membuat undang-undang, membuat duit, mewujudkan tentera darat dan tentera laut, mengenakan cukai kastam ke atas perdagangan dan perkapan dalam dan luar negeri serta cukai dan yuran lain ke atas penduduknya sebagaimana dilihatnya baik atau perlu, berserta segala kuasa dan hak lain biasanya dijalankan dan dimiliki pemerintah berdaulat, dan yang dengan ini Beta wakilkan kepadanya dengan kerelaan Beta sendiri".

Tauliah bertarikh 29 Disember 1877 adalah keterangan kukuh pemilikan ke atas Sabah berpindah kepada negeri Sabah secara sah melalui kurniaan Sultan Borneo selaku pemerintah berdaulat ke atas Sabah, Gaya dan Sandakan.

Perjanjian Pajakan antara Syarikat British-Borneo Utara dengan Kesultanan Sulu pada 22 Januari 1878 berlaku selepas fungsi kedaulatan berserta milik tanah Sabah, Gaya dan Sandakan diserahkan kepada Gustavus Baron de Overbeck.

Perjanjian Pajakan 1878 masih boleh dicabar atas tiga sebab, pertama kerana pemilikan Sultan Borneo ke atas tanah Sabah, Gaya dan Sandakan adalah satu fakta tidak dipertikai mana-mana pihak.

Kedua, pemilikan Kesultanan Sulu ke atas Sabah hanya bersifat tuntutan dinafikan Sultan Borneo kerana Kesultanan Sulu gagal memenuhi syarat ditetapkan Sultan Borneo bagi maksud kurniaan tanah itu, lantaran pemindahan hak milik tanah Sabah kepada Kesultanan Sulu tidak berlaku.

Ketiga, tanah Sabah, Gaya dan Sandakan sudah diserahkan hak kepada Gustavus Baron de Overbeck, malah beliau dilantik sebagai pemerintah tertinggi bagi wilayah itu mengikut adat Melayu Borneo.

Oleh itu boleh dikatakan Syarikat Borneo Utara-British memasuki Perjanjian Pajakan 1878 hanyalah helah untuk melindungi kepentingan di Borneo Utara daripada gangguan Kesultanan Sulu pada ketika itu sedang berdepan krisis dengan Kesultanan Borneo.

Perjanjian itu tidak boleh dianggap sebab hak ke atas Sabah berpindah daripada Ratu England kepada Sabah. Tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah boleh dianggap sebagai berakhir apabila pada 22 Julai 1878, Sultan Sulu menyerahkan kedaulatan dan hak wilayahnya kepada Kerajaan Sepanyol.

Berikutan itu juga pada 1885, Protokol Madrid ditandatangani antara United Kingdom (UK), Jerman dan Sepanyol yang menyaksikan Sepanyol melepaskan semua tuntutannya ke atas Borneo.

Iktibar daripada apa yang berlaku menunjukkan betapa sejarah perundungan tanah air sehingga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 5 Ogos 1957 dan Perjanjian Malaysia bertarikh 9 Julai 1963 serta pindaannya pada 28 Ogos 1963 perlu dirakam dengan baik.

Perjanjian berlaku sebelum Hari Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Hari Malaysia 1963 khususnya membabitkan pewarisan wilayah perlu dikaji dan dilihat daripada perspektif watan, bukan sekadar menerima bulat-bulat naratif dibina orientalis.

Apa yang pasti, sebarang tuntutan mana-mana pihak terhadap kedaulatan dan hak Persekutuan mahupun negeri pada masa hadapan tidak boleh dipandang remeh.

Penulis adalah Profesor Madya di Institut Pemikiran dan Ketamadunan Islam Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa



CTOS
Find Out The Way To Your Financial Stability And Prosperity

LEARN MORE →

BERITA BERKAITAN

Taboola Feed

Kuala Lumpur: kos panel suria mungkin mengejutkan anda!

PEMASANGAN PANEL SURIA | IKLAN CARIAN | SPONSORED

Dia tidak pernah buang kulit oren dan ini sebab rakyat Malaysia perlu tahu mengenainya!

WOMEN'S METHOD | SPONSORED

Thailand: tawaran penerbangan+hotel dengan harga yang sangat murah

Tempat terakhir dengan harga diskau

PENERBANGAN+HOTEL THAILAND | MENCARI IKLAN | SPONSORED